

# Warisan kejuruteraan Islam di Bosnia

**B**OSNIA HERZEGOVINA adalah sebuah negara Islam yang pernah menggemparkan dunia dalam isu kemanusiaan berikutan peperangan yang mengorbankan ratusan ribu nyawa.

Namun, di sebalik kisah menyayat hati itu, wilayah ini turut terkenal dengan keindahan alam semula jadi selain mempunyai beberapa warisan Islam kesan pemerintahan Empayar Uthmaniyah yang menjadi penaung kepada pemerintahan Islam di Bosnia sejak abad ke-16 Masihi.

Satu daripada warisan Islam penting dan memperlihatkan ilmu kejuruteraan yang tinggi pada waktu itu ialah binaan jambatan dikenali sebagai Jambatan Mehmet Paşa Sokolović.

Jambatan yang merentasi Sungai Drina di bahagian timur Bosnia Herzegovina ini dikaitkan dengan Mehmet Paşa Sokolović kerana ia dibina sewaktu pemerintahan beliau selaku wakil Empayar Uthmaniyah di Bosnia Herzegovina.

Mehmet Paşa ialah anak kelahiran Bosnia yang mula berkhidmat dengan Empayar Uthmaniyah sebagai komander tentera pada 1543. Atas kegigihan dan bakat kepimpinan dimiliki dan ditunjukkan, beliau diberi kepercayaan memegang beberapa jawatan penting dalam tentera Empayar Uthmaniyah seperti:

- Pemerintah tertinggi angkatan tentera.
- Gabenor Rumelia.
- Jawatan Vizier yang bermaksud menteri sebelum

## Kesenian Islam

Oleh DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
rosmahwati@ukm.edu.my



dilantik memegang jawatan tertinggi sebagai menjadi Grand Vizier atau Wakil Pemerintah Empayar Uthmaniyah di Bosnia pada pertengahan abad ke-16 Masihi.

Jambatan ini penting sebagai warisan kejuruteraan Islam di Bosnia kerana ia merupakan satu daripada rekaan jurutera Islam yang tersohor dengan kebolehan dan kebijaksanaan dalam rekaan kejuruteraan iaitu Mimar Sinan.

Mimar Sinan ialah Ketua Jurutera Empayar Uthmaniyah yang menghasilkan rekaan kejuruteraan mengagumkan di pusat pemerintahan empayar mahupun di wilayah naungan Empayar Uthmaniyah lain sewaktu dengannya.

## BUKAN SEKADAR JAMBATAN

Reka bentuk jambatan yang diperbuat daripada batu dan mempunyai gerbang pada bahagian bawah untuk aliran air merupakan satu tipologi rekaan zaman Empayar Uthmaniyah.

Jambatan Mehmet Paşa Sokolović yang dibina di Sungai Drina itu membantu

mengurangkan masalah banjir apabila terjadi limpahan air sungai dari kawasan pergunungan Drina.

Sungai Drina terkenal dengan arus dan air pasang sehingga menyebabkan banjir di kawasan sekitar.

Jambatan ini mempunyai zon penyangga pada bahagian bawah, kiri dan kanan tebing Sungai Drina yang mampu mengawal arus pasang surut sungai. Jambatan ini juga menjadi penghubung yang selamat dan stabil antara kedua-dua kawasan tebing untuk penduduk berulang-alik.

Ia juga mempunyai 11 gerbang di bahagian bawahnya yang menjadi laluan air dan dibina sepanjang 589 kaki. Ia mempunyai sebuah tiang pada bahagian tengah terukir timbul potongan puisi dalam kaligrafi fali Nasakh pada batu marmar putih.

Kata-kata puisi itu ditujukan kepada pemerintah Empayar Uthmaniyah pada waktu itu iaitu Sultan Murad sebagai tanda penghargaan terhadap pembinaan jambatan tersebut.

Jambatan ini pernah mengalami kerosakan teruk dan kehilangan tiga daripada struktur gerbangnya dalam Perang Dunia Pertama dan lima lagi sewaktu Perang Dunia Kedua.

Disebabkan kepentingan struktur jambatan ini kepada masyarakat setempat dan juga sebagai warisan dunia, ia telah dibaik pulih pada sekitar 1950-an.

Jambatan Mehmet Paşa Sokolović yang menjadi satu daripada mercu tanda kegemilangan pemerintahan

## INFO

- Memperlihatkan ilmu kejuruteraan yang tinggi di Bosnia pada abad ke-16 Masihi.
- Berfungsi membantu mengurangkan masalah banjir apabila terjadi limpahan air sungai dari kawasan pergunungan Drina.
- Jambatan ini mempunyai zon penyangga pada bahagian bawahnya dan kiri serta kanan tebing Sungai Drina yang mampu mengawal arus pasang surut sungai.
- Jambatan ini juga menjadi penghubung yang selamat dan stabil antara kedua-dua kawasan tebing untuk penduduk berulang-alik.
- Jambatan ini mempunyai 11 gerbang di bahagian bawahnya yang menjadi laluan air dan dibina sepanjang 589 kaki.
- Pernah mengalami kerosakan teruk dalam Perang Dunia Pertama dan kedua sebelum dibaik pulih pada sekitar 1950-an.

Empayar Uthmaniyah dan hubungan diplomatik antara wilayah Balkan bersama masyarakat Islam dan bukan Islam itu diisytiharkan sebagai satu daripada aset Warisan Dunia oleh UNESCO pada 2007.



GABUNGAN keindahan ciptaan Allah dan manusia menjadikan pemandangan Jambatan Mehmet Paşa Sokolović sangat menarik.